

# Panduan Mengemukakan Permohonan Bagi Kelulusan Iklan oleh Lembaga Iklan Ubat (LIU)

Disediakan oleh:

**Lembaga Iklan Ubat**  
**Cawangan Kawalan Iklan**  
**Bahagian Penguatkuasaan Farmasi**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
**Lot 36, Jalan Universiti,**  
**46200 Petaling Jaya,**  
**Selangor.**  
**Telefon : 03-7841 3200**  
**Faks : 03-7968 2251**  
**Laman Web : www.pharmacy.gov.my**



## Pengisian Borang B (Borang Permohonan)

**1) Nama \*artikel / perkhidmatan (\*pilih satu sahaja)**

A) Bagi **artikel** (racun, ubat, tradisional atau suplemen)

- nyatakan nama produk (nama seperti dalam sijil pendaftaran produk melainkan jika lebih daripada 1 produk, sila gunakan nama, contohnya "Jenama XX produk", "Syarikat XX produk"

B) Bagi **perkhidmatan**

- nyatakan nama fasiliti kesihatan (Sila gunakan nama yang digunakan dalam lesen CKAPS)

**FORM B**  
 MEDICINE ADVERTISEMENT BOARD REGULATIONS 1976  
 (Regulation B (1))

**ADVERTISEMENT APPLICATION FORM FOR MEDICINE ADVERTISEMENT BOARD'S APPROVAL**

To,

Secretary,  
 Medicine Advertisement Board,  
 Pharmaceutical Services Division,  
 Ministry of Health Malaysia,  
 Lot 36, Jalan Universiti,  
 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Sir,

I apply for approval for the advertisement to:

(i) Name \* article/service..... **1**

(ii) Type of \* article/service..... **2**

(iii) Media to be used..... **3**

(iv) Language to be used..... **4**

(v) I submit five (5) / three (3) copies of the advertisement in the language to be used. **5**

(vi) I enclosed \* bank draft/money order/postal order bearing number and date..... **6**  
 for **RM300.00 (Ringgit: Three hundred only)** as payment.

2. I confirm that all the information above are true.

Signature of applicant:..... **7**

Name of applicant (in capital letters):.....

Identity card No.....

Name of Company:.....

Address of applicant:.....

Telephone No & email :.....

**4) Bahasa yang digunakan**

A) Nyatakan Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina, Tamil dan lain-lain.

B) Jika menggunakan Bahasa Cina / Tamil, sila kemukakan satu (1) Salinan terjemahan dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris.

C) Untuk bahasa asing, contohnya Bahasa Jepun, Arab, Indonesia, sila sertakan skrip terjemahan dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris yang telah disahkan.

**2) Jenis \*artikel / perkhidmatan**

A) Bagi **artikel**

- nyatakan ubat

B) Bagi **perkhidmatan**

- nyatakan samada jenis hospital swasta / klinik swasta / klinik radiologi swasta / makmal perubatan swasta.

**3) Media yang digunakan**

A) Sila rujuk Senarai jenis Media yang diluluskan LIU.

**5) Sila kemukakan lima (5) Salinan Iklan dalam Bahasa yang digunakan. Bagi Media Internet, tiga (3) Salinan sahaja diperlukan.**

**6) Palangkan dan tulis nombor bank draft / kiriman wang / wang pos dengan bayaran RM300.00 (Ringgit : tiga ratus sahaja) dan dibayar atas nama "Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia" (Cek tidak diterima)**

A) Sila tulis nama pemohon, no. kad pengenalan dan alamat syarikat di belakang bank draft.

B) Sila pastikan wang pos / bank draft dan borang permohonan diserahkan sekurangnya 2 minggu daripada tarikh luput wang pos / bank draft.

**7) Perakuan Permohon:**

**Pemohon hendaklah mematuhi syarat berikut:-**

i) Merupakan pihak yang akan mengiklan artikelya atau perkhidmatan dan bukan agensi pengiklanan.



ii) Hanya borang permohonan beserta tandatangan yang asli yang akan diterima.

## PERHATIAN!!

### NOTA:

- 1) Format iklan atau jenis media yang berbeza dikenakan bayaran yang berasingan. (RM300 untuk setiap iklan)
- 2) Format iklan yang sama tetapi berbeza bahasa, boleh dihantar dalam satu permohonan.
- 3) Dokumen sokongan:
  - i) kemukakan dokumen sokongan yang masih **sah/terkini** bagi tuntutan yang terdapat di dalam iklan (cth: halal, organik, anugerah, akreditasi, jurnal, pengiktirafan, data farmakokinetik, pengiktirafan dan lain-lain).
  - ii) Sebarang tuntutan yang tidak disertakan bersama bukti/dokumen sokongan tidak akan dipertimbangkan.
- 4) Format iklan yang dicetak pada **kertas licin (glossy paper)** tidak akan diterima.
- 5) Format iklan yang telah dihantar bagi kelulusan LIU **tidak boleh ditukar** dengan format lain, melainkan diminta oleh Sekretariat LIU.
- 6) Setiap format iklan **yang melebihi 10 muka surat perlu dijilid** dan setiap salinan iklan yang dikemukakan mesti disusun dengan susunan yang sama bagi semua bahasa yang dimohon.
- 7) Dokumen yang dihantar untuk tujuan kelulusan iklan (cth: sijil indikasi, formula, label, dokumen sokongan) **perlu disusun mengikut susunan produk** di dalam format iklan bagi memudahkan proses penilaian iklan.
- 8) Maklumat yang dirujuk di dalam dokumen sokongan (cth: journal, kajian, laporan) **perlu dilabel dan highlight** bagi memudahkan proses penilaian iklan.
- 9) Sila pastikan **saiz tulisan** yang terdapat pada iklan adalah **jelas dan boleh dibaca**.
- 10) Sila sediakan / tinggalkan ruangan kosong di sebelah kiri dan bawah format iklan dengan ukuran 5cm untuk kegunaan pihak sekretariat.

Contoh:



- 11) Piagam pelanggan permohonan kelulusan adalah **5 hari bekerja** (dikira bermula permohonan lengkap diterima).

### JENIS MEDIA YANG DILULUSKAN LIU

Media	Tempoh kelulusan	Keterangan / Contoh
Semua media (kecuali radio)	3 tahun	Format iklan yang dilampirkan mestilah sesuai untuk disiarkan di semua media (kecuali radio) <u>Contoh:</u> <i>bunting / poster / suratkhbar / majalah / online banner / digital banner / internet / papan tanda / wobblers / leaflet / brochure / billboard / press-release produk selain racun / kalendar</i>
Katalog	3 tahun	Katalog produk
Video	3 tahun	Televisyen / youtube / video interview / program tv (perlu disertakan dengan skrip penuh (teks /Q&A/ visual) / story board
Radio	3 tahun	Iklan dalam bentuk jingle / program (perlu disertakan dengan skrip penuh (teks) /Q&A/)
Tumpuan jualan	3 tahun	Format iklan yang diletakkan di dalam premis jualan <u>Contoh:</u> <i>shelftalker / counter top / dispenser / giant box</i>
Kenderaan	3 tahun	Iklan pada kenderaan
Internet (laman web)	3 tahun	Laman web syarikat / perkhidmatan kesihatan
Semua media ( <i>Congratulatory ad</i> )	6 bulan	Pengumuman akreditasi/anugerah/ucapan tahniah/kelengkapan baru (perkhidmatan kesihatan sahaja)
Siaran media	6 bulan	Siaran media bagi pelancaran produk racun dibenarkan sekali sahaja